



19 MAR, 2024

## Kastam rampas 10.79kg dadah dalam bungkus isi durian kering

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

# Kastam rampas 10.79kg dadah dalam bungkus isi durian kering

**Tawau:** Sindiket pengedaran dadah di sini, dikesan tidak lagi menggunakan bungkus teh Cina, sebaliknya dadah jenis methamphetamine dibungkus menggunakan pembungkusan baharu bagi mengaburi mata pihak berkuasa.

Terbaharu, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Sabah, merampas 10.79 kilogram (kg) dadah jenis methamphetamine yang dibungkus menggunakan label plastik 168 *Freeso-Dried Durian*.

Penolong Ketua Pengarah JKDM Zon Sabah, Datuk Mohd Nasir Deraman, berkata rampasan dijalankan susulan maklumat Pasukan Operasi Penguatkuasaan JKDM Tawau, terhadap sebuah premis perkhidmatan

kurier di Jalan Bakau, di sini, di antara jam 12 hingga 1 tengahari pada 9 Mac lalu.

Beliau berkata, modus operan di sindiket ialah dengan menyembunyikan bahan terlarang itu yang dibungkus menggunakan bungkus makanan 168 *Freeso-Dried Durian* yang diletakkan di dalam kotak dengan perihai barang yang ditulis sebagai peralatan memancing.

“Bungkusan dibawa syarikat perkhidmatan kurier menggunakan jalan darat sebelum tiba di daerah ini dengan alamat penerima hanya tertera nama sahaja untuk tujuan *self collect*.”

“Bagaimanapun, selepas dipe-riksa didapati 10 bungkus plas- tik berkenaan mengandungi



Mohd Nasir (dua dari kiri) menunjukkan methamphetamine yang dirampas pada sidang media di pejabat JKDM Tawau, semalam. (Foto Abdul Rahemang Taiming/BH)

10.79kg hablur jernih disyaki dadah jenis methamphetamine dengan nilai anggaran RM356,070,” katanya pada sidang media di pejabat JKDM Tawau, di sini, semalam.

Mohd Nasir berkata, susulan rampasan itu, pihaknya mena- han pengurus syarikat perkhid-

matan kurier terbabit bagi mem- bantu siasatan.

**3 kontena kayu ditahan**  
Sementara itu, dalam kes bera- singan JKDM Tawau berjaya me- nahan tiga kontena mengandu- ngi 101 batang kayu balak (jati) dan 1514 batang kayu bergergaji

bernilai RM80,322.23 dengan duti eksport sebanyak RM7,129.36 disyaki cuba dieksport ke negara India tanpa permit sah.

“Kes masing-masing disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Da- dah Berbahaya 1952 dan Seksyen 135(1)(a) Akta Kastam 1967,” ka- tanya.



19 MAR, 2024

# Kastam rampas 10.79kg dadah dalam bungkusan isi durian kering

Berita Harian, Malaysia



## SUMMARIES

Tawau: Sindiket pengedaran dadah di sini, dikesan tidak lagi menggunakan bungkusan teh Cina, sebaliknya dadah jenis methamphetamine dibungkus menggunakan pembungkusan baharu bagi mengaburi mata pihak berkuasa. Terbaharu, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Sabah, merampas 10.79 kilogram (kg) dadah jenis methamphetamine yang dibungkus menggunakan label plastik 168 Freeso-Dried Durian.